

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASiL PERMUDAHKAN URUSAN PERMOHONAN DAN PEMBAYARAN DUTI SETEM MELALUI STAMPS

Permohonan dan pembayaran duti setem kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau HASiL kini boleh dibuat dengan menggunakan Sistem Taksiran dan Pembayaran Dut Setem atau *Stamp Assessment and Payment System* (STAMPS). STAMPS merupakan kaedah secara dalam talian yang diperkenalkan pada tahun 2009 dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memperluas penggunaannya kepada lebih ramai pengguna. Pada peringkat awal pengenalan STAMPS, penggunaanya hanya untuk syarikat, firma guaman, perbankan, agensi dan perniagaan yang berdaftar. Mulai 1 Julai 2021, STAMPS telah diperluaskan penggunaannya kepada individu atau orang awam.

Daftar sebagai pengguna STAMPS

STAMPS sebagai kaedah utama penyeteman di HASiL yang boleh diakses oleh pengguna berdaftar sama ada sebagai ejen atau individu pada bila-bila masa asalkan mempunyai akses Internet. Pendaftaran sebagai pengguna STAMPS boleh dibuat secara dalam talian di <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/>. Pendaftaran adalah percuma dan pengguna boleh terus membuat permohonan tersebut melalui STAMPS sebaik sahaja permohonan pendaftaran ID pengguna diluluskan oleh HASiL. Pastikan ID pengguna didaftarkan dengan betul sama ada sebagai Ejen STAMPS (Ejen) atau Individu STAMPS (Individu).

Bagaimanakah pengguna memanfaatkan penggunaan STAMPS?


Pembayar duti yang telah mempunyai ID Pengguna STAMPS boleh melaksanakan semua jenis permohonan penyeteman seperti jadual yang berikut:

Kategori Pengguna	Jenis Penyeteman
- Firma Guaman - Bank - Syarikat Insurans - Lain-lain: i. Syarikat ii. Perkongsian iii. Perniagaan Milikan Tunggal iv. Agensi Kerajaan/Jabatan/Badan Berkanun - Individu	- Pindah Milik Harta Tanah - Pindah Milik Saham - Pindah Milik Perniagaan - Sekuriti - Sewa/Pajakan - Penyeteman Am

Penyeteman melalui STAMPS melibatkan proses secara dalam talian sepenuhnya bermula dari peringkat

permohonan sehingga pembayaran duti. Pembayar duti memilih jenis penyeteman mengikut kategori dokumen atau perjanjian dengan mengisi maklumat ke dalam Borang Permohonan Penyeteman Surat Cara yang disediakan dan memuat naik dokumen atau perjanjian yang hendak disetamkan sebelum menghantar permohonan untuk diproses oleh Pejabat Setem HASiL yang dipilih. Notis Taksiran akan dikeluarkan selepas taksiran dan pengindorsan dibuat oleh pegawai HASiL.

PROSES PERMOHONAN TAKSIRAN DUTI SETEM SECARA DALAM TALIAN



Sumber : Poster LHDNM

Proses permohonan taksiran duti setem secara dalam talian melalui STAMPS.

Bayaran

Pembayar duti boleh membuat bayaran duti berdasarkan amaun duti setem yang telah dinyatakan dalam Notis

Taksiran secara perbankan elektronik melalui kaedah Bill Payment untuk pengguna CIMB BizChannel dan Public Bank atau kaedah FPX (Financial Process Exchange). Sijil Setem perlu dicetak setelah bayaran berjaya dibuat untuk dikepilkan bersama dengan dokumen atau perjanjian asal sebagai bukti pembayaran duti setem. Pembayar duti dinasihatkan untuk menyemak status permohonan pada paparan utama STAMPS bagi mengetahui tindakan yang telah diambil oleh HASiL atau yang perlu dilaksanakan oleh pembayar duti.



Sumber : LHDNM

Sijil Setem perlu dikepilkan bersama dengan dokumen atau perjanjian asal sebagai bukti pembayaran duti setem telah dibuat.

Pemalsuan Sijil Setem

HASiL tidak berkompromi dengan isu pemalsuan Sijil Setem dan penipu (scammer) yang cuba memperdaya orang ramai dengan mengemukakan Sijil Setem palsu. Sijil Setem mengandungi ciri keselamatan tersendiri dan semakan ketulenan boleh dilakukan di Portal STAMPS menerusi pautan <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/> dengan memasukkan nombor adjudikasi dan nombor Sijil Setem di ruangan pengesahan ketulenan. Selain itu, semakan ketulenan juga boleh dibuat kepada kod QR yang terdapat dalam Sijil Setem melalui imbasan kod telefon pintar daripada aplikasi Semakan Ketulenan Sijil yang boleh dimuat turun di peranti Android atau iOS. Jika tiada data dipaparkan semasa semakan dibuat, Sijil Setem tersebut berkemungkinan bukan sijil yang dikeluarkan oleh HASiL disebabkan tiada rekod yang disimpan di Pangkalan Data STAMPS.

DUTI SETEM

TEMPOH PENYETEMAN

Dalam tempoh 30 hari dari tarikh dokumen / surat cara pertama kali disempurnakan / ditandatangani dalam Malaysia

Dalam tempoh 30 hari selepas dokumen / surat cara pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya disempurnakan di luar Malaysia

JENIS DUTI

Tetap

Dikenakan tanpa ada kaitan dengan amaun balasan atau amaun yang dinyatakan dalam dokumen / surat cara

Ad Valorem

Dikenakan berdasarkan amaun balasan yang dinyatakan dalam dokumen / surat cara atau nilai pasaran



Sumber : Poster LHDNM

STAMPS menjamin urusan penyeteman tidak terjejas ketika musim pandemik

Selain memudahkan urusan dan mengurangkan pertemuan secara bersemuka antara orang ramai dan petugas kaunter duti setem sewaktu pandemik COVID-19, perkhidmatan dalam talian STAMPS memastikan pemprosesan permohonan penyeteman tidak terjejas kerana pembayar duti mempunyai kemudahan membuat permohonan dan bayaran duti setem secara dalam talian sepenuhnya.

Penggunaan STAMPS sebagai sistem tunggal untuk permohonan dan bayaran duti setem adalah langkah ke hadapan HASiL bagi merealisasikan hasrat kerajaan ke arah pendigitalan Malaysia. Pada masa hadapan, HASiL berhasrat untuk meneroka proses penyeteman secara digital sepenuhnya bagi memenuhi hasrat kerajaan dan permintaan pengguna yang sedang beralih kepada transaksi digital dalam semua urusan perniagaan.



TEMA - DUTI SETEM

1.

M	B	Y	E	A	N	A	R	P	A

Stamp Assessment and Payment System merupakan platform dalam talian yang diperkenalkan oleh HASiL bagi orang awam untuk membuat permohonan dan _____ duti setem secara dalam talian.

2.

D	I

E	G	U	A	N	G	N	P

Pendaftaran sebagai pengguna STAMPS adalah percuma dan pengguna boleh terus membuat permohonan penyeteman sebaik sahaja permohonan pendaftaran _____ diluluskan oleh HASiL.

3.

J	E	E	N

M	A	P	S	S	T

ID pengguna sistem STAMPS adalah terbahagi kepada dua (2) kategori pengguna, iaitu pengguna, _____ atau pengguna Individu STAMPS.

4.

I	A	M	R	F

A	M	A	N	G	U

Pengguna kategori Ejen STAMPS adalah terbahagi kepada empat kategori, iaitu _____, bank, syarikat insurans dan lain-lain.

5.

E	E	T	E	N	M	A	Y	N	P

M	A

Jenis penyeteman yang boleh dilakukan oleh pembayar duti yang telah mempunyai ID Pengguna STAMPS adalah penyeteman pindah milik harta tanah, pindah milik saham, pindah milik perniagaan, sekuriti, sewa/pajakan dan _____.

6.

S	A	T	K	R	A	I	N

T	I	U	D

M	E	E	T	S

Proses permohonan _____ secara dalam talian bermula dengan pendaftaran ID pengguna, log masuk STAMPS, membuat pengisian borang permohonan taksiran, semak notis taksiran, buat bayaran duti dan cetakan sijil.

7.

E	T	M	E	A	E	N	Y	P	N

_____ melalui STAMPS melibatkan proses secara dalam talian sepenuhnya bermula dari peringkat permohonan sehingga pembayaran duti.

8.

T	S	O	N	I

T	R	S	N	A	K	A	I

_____ akan dikeluarkan selepas taksiran dan pengindorsan dibuat oleh pegawai HASiL.

9.

A	O	L	T	P	R

M	A	P	S	S	T

Sijil Setem mengandungi ciri-ciri keselamatan tersendiri dan pembayar duti boleh membuat semakan ketulenan di _____ dengan memasukkan nombor adjudikasi dan nombor Sijil Setem di ruangan pengesahan ketulenan.

10.

R	E	P	S	O	S

N	P	N	E	T	M	Y	E	A	E

Pengenalan sistem STAMPS adalah bertujuan bagi memudahkan permohonan dan _____, secara tidak langsung bagi merealisasikan hasrat kerajaan ke arah sistem pendigitalan di Malaysia.

PERATURAN

- Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyerat tidak dilayan.
- Tekaian hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Oktober 2023**. Jawapan yang diterima lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
- Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :
 Alamat Rumah : No. Telefon :
 Nama Bank :
 No. Akaun Bank :
 Nama Sekolah/Institut : (Akaun bank milik peserta)
 E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor Dewan Siswa, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
 atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

Jawapan Kuiz:

Tema: Cukai Keuntungan Harta Tanah

- | | |
|-------------------------|--------------------------|
| 1. PELUPUSAN ASET | 6. HARGA PELUPUSAN |
| 2. PELUPUS | 7. HARGA PEMEROLEHAN |
| 3. BERMASTAUTIN | 8. KEUNTUNGAN |
| 4. PEMEGANG AMANAH | 9. KEDIAMAN PERSENDIRIAN |
| 5. TEMPOH PEGANGAN ASET | 10. BANGUNAN |

HADIAH
MENARIK MENANTI
PEMENANG